

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

LEUP 403 Perakaunan Pengurusan

Tarikh: 16 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 4 muka surat bercetak dan EMPAT (4) soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua EMPAT (4) soalan.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan di dalam Bahasa Malaysia.

1. SAMA ADA

- (a) Definiskan "Pengekosan Marginal" dan "Pengekosan Serapan". Nyatakan kegunaan/kebaikan yang diperolehi setelah sistem "Pengekosan Marginal" dilaksanakan.

(100 markah)

ATAU

- (b) Apakah "Pengekosan Standard" dan bagaimana sistem "Pengekosan Standard" boleh diperkenalkan di dalam sesuatu syarikat. Berikan kegunaan/faedah yang akan dialami oleh syarikat yang telah dilaksanakan sistem Pengekosan Standard.

(100 markah)

2. (a) Terangkan dengan ringkas mengenai perkara-perkara yang berikut:-

- (i) varian positif.
- (ii) titik pulang modal.
- (iii) lebih serapan kos.
- (iv) margin keselamatan.

(48 markah)

- (b) Syarikat Beta mengilangkan satu keluaran Y, dengan struktur kos seperti berikut:-

- (a) Kos boleh ubah \$ 6 seunit.
- (b) Harga jualan \$10 seunit.
- (c) Kos tetap \$25,000 setahun.

...3/-

- (i) Kirakan titik pulang modal apabila jualan ialah 10,000 unit setahun.

(16 markah)

- (ii) Kirakan titik pulang modal apabila kos boleh ubah ditambah sebanyak \$1 seunit dan lain kos tidak berubah.

(16 markah)

- (iii) Kirakan titik pulang modal apabila Harga Jualan bertambah menjadi \$11 seunit.

(20 markah)

3. Terangkan apakah "Belanjawan zero-base" dan "Belanjawan boleh ubah" (flexible budgeting). Nyatakan kegunaan/kebaikan dan kelemahan "Belanjawan zero-base".

(100 markah)

4. Chartered Industry mengilangkan satu keluaran tunggal iaitu keluaran M, dan harga jualannya ialah \$20. Pada masa sekarang syarikat tidak lagi mengendalikan perniagaan dengan kapasiti penuh dan hanya mengeluarkan 10,000 unit setahun.

Berikut adalah maklumat mengenai kos:-

	\$
Bahan Langsung Seunit	5
Buruh Langsung Seunit	3
Overhead Boleh Ubah Seunit	2
Overhead Tetap	50,000

...4/-

Pengurus Pemasaran telah menganggarkan bahawa jualan boleh dilipatgandakan (iaitu 20,000 setahun) jika harga jualan dikurangkan kepada \$18 seunit.

Pengurus Pengeluaran bersetuju mengeluarkan 20,000 unit setahun tetapi bagi membolehkan perlaksanaan jumlah kerja tambahan itu, overhead tetap hendaklah ditambah sebanyak \$10,000.

Dikehendaki

- (i) Menilai serta memberi komen tentang cadangan Pengurus Pemasaran itu.

(50 markah)

- (ii) Dengan mengandaikan harga jualan seunit dikurangkan seperti yang dicadangkan, kos boleh ubah seunit tetap sama, dan kos overhead tetap bertambah sebanyak \$10,000, kira kuantiti yang perlu dijual supaya memperolehi untung sebanyak \$100,000.

(50 markah)

-ooo0ooo-